



## JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan  
Jalan Tunku Abdul Rahman  
Beg Berkunci No. 2058  
88595 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: **JBNS(A):100-4/10 Vol.(2) ((77))**

Tarikh : **07 Ogos 2017**

Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

### **SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 12 TAHUN 2017 PENGHANTARAN PENYATA PENYESUAIAN AKAUN UNTUK BULAN DISEMBER (AKHIR) TAHUN 2017 SELEWATNYA PADA 09 FEBRUARI 2018**

#### **1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pegawai Pengawal / Pemegang Waran Peruntukan bahawa tarikh akhir penghantaran Penyata Penyesuaian Akaun untuk Bulan Disember (Akhir) Tahun 2017 ke Jabatan Bendahari Negeri adalah selewatnya pada **09 Februari 2018** sepertimana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Penutupan Akaun Tahun 2017.

#### **2. LATARBELAKANG**

- 2.1** Jabatan Bendahari Negeri telah mengeluarkan Surat Pekeliling Bil. 5/2017 bertarikh 15 Mei 2017 berkaitan Penutupan Akaun Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2017. Tarikh sasaran penutupan akaun untuk bulan Disember (Akhir) Tahun 2017 adalah pada 19 Januari 2018.
- 2.2** Tarikh akhir untuk penerimaan baucar bayaran oleh Jabatan Bendahari Negeri juga dinyatakan dalam surat pekeling tersebut di mana baucar bayaran Perbelanjaan Perbekalan dan Pembangunan yang melibatkan perbelanjaan bulan Disember 2017 adalah pada 05 Januari 2018 manakala baucar bayaran Perbelanjaan Akaun Amanah bulan Disember 2017 adalah pada 11 Disember 2017.

...../2-



JBNS(A):100-4/10 Vol.(2) ((77))

07 Ogos 2017

- 2 -

- 2.3 Surat pekeliling tersebut juga telah mengingatkan semua Pegawai Pengawal / Pemegang Waran Peruntukan bahawa baucar bayaran yang diterima pada tarikh akhir penerimaan jika dikuiiri tidak akan dibayar dalam Tahun Kewangan 2017. Oleh itu semua baucar bayaran hendaklah disediakan dengan teratur/ tepat/ lengkap untuk mengelakkan teguran/ kuiiri.
- 2.4 Surat Pekeliling tersebut juga telah mengingatkan semua Pegawai Pengawal / Pemegang waran Peruntukan untuk menyesuaikan akaun bulanan dengan lejar perbendaharaan.
- 3. MENGEMASKINI BUKU VOT S3P SEBELUM PENYEDIAAN PENYATA PENYESUAIAN AKAUN**
- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan di perenggan 2.3 dalam surat pekeliling ini baucar bayaran yang diterima pada tarikh akhir penerimaan jika dikuiiri tidak akan dibayar dalam Tahun Kewangan 2017.
- 3.2 Seksyen Pemeriksaan Baucar, Jabatan Bendahari Negeri akan mengembalikan baucar bayaran berkenaan dengan teguran sekiranya dikuiiri berserta dengan catatan "Jadualkan dalam Tahun Kewangan 2018. Rujuk Surat Pekeliling Penutupan Akaun Tahun 2017.
- 3.3 Pegawai Pengawal / Pemegang Waran Peruntukan adalah bertanggungjawab untuk membatalkan baucar bayaran sedemikian dalam buku vot S3P supaya peruntukan yang dikenakan dalam baucar bayaran tersebut dapat dikembalikan ke baki peruntukan vot berkenaan.
- 3.4 Resit (jika ada) tidak perlu dikemaskini oleh Pegawai Pengawal/ Pemegang Waran Peruntukan ke buku vot S3P memandangkan S3P boleh mengimpot maklumat resit dari SISWANG secara online.

JBNS(A):100-4/10 Vol.(2) ((77))

07 Ogos 2017

- 3 -

- 3.5 Pegawai Pengawal / Pemegang Waran Peruntukan adalah juga bertanggungjawab untuk membatalkan baucar e-jurnal yang tidak diluluskan oleh Jabatan Bendahari Negeri dalam buku vot S3P supaya peruntukan (Debit / Kredit) yang dikenakan dalam baucar e-jurnal tersebut dapat diselaraskan semula.
- 3.6 Pegawai Pengawal / Pemegang Waran Peruntukan juga dikehendaki untuk memastikan semua Pindaan Peruntukan / Peruntukan Tambahan (ASP) telah dikemaskini dalam buku vot S3P.
- 3.7 Sebelum menyediakan Penyata Penyesuaian Akaun semua pengemaskinian buku vot S3P mesti dibuat supaya baki penutup peruntukan dalam S3P bersamaan dengan baki seperti di lejar perbendaharaan.

#### 4. PENYEDIAAN PENYATA PENYESUAIAN AKAUN

- 3.1 Lejar Perbendaharaan akan dimuat-naik ke pautan Sistem e-Lejar oleh Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) dalam 4 hari bekerja selepas akaun bulanan ditutup.
- 3.2 Semua Pegawai Pengawal / Pemegang Waran Peruntukan dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Akaun serta merta dengan lengkap dan teratur sebaik sahaja S3P dikemaskini dan e-lejar tersedia. Penyata Penyesuaian Akaun hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Bendahari Negeri mengikut sasaran tempoh penghantaran.

#### 5. PENGHANTARAN PENYATA PENYESUAIAN AKAUN BULAN DISEMBER (AKHIR) TAHUN 2017

- 5.1 Semua Pegawai Pengawal / Pemegang Waran Peruntukan hendaklah memastikan Penyata Penyesuaian Akaun untuk Bulan Disember (Akhir) Tahun 2017 dikemukakan ke Jabatan Bendahari Negeri pada selewatnya **09 Februari 2018**.

JBNS(A):100-4/10 Vol.(2) ((77)

07 Ogos 2017

- 4 -

- 5.2 Penyata Penyesuaian Akaun bulan Disember (Akhir) 2017 mesti disokong dengan satu lampiran cetakan buku vot muka surat terakhir dari S3P yang sudah **dikemaskini** dan baki peruntukan dalam buku vot S3P bulan Disember (Akhir) mesti bersamaan dengan baki seperti di lejar perbendaharaan bulan Disember (Akhir) Tahun 2017.
- 5.3 Semua Pegawai Pengawal / Pemegang Waran Peruntukan dinasihatkan supaya menepati perkara di perenggan 5.1 dan 5.2 sebelum mengemukakan Penyata Penyesuaian Akaun ke Jabatan Bendahari Negeri. Kegagalan membuat sedemikian boleh disifatkan sebagai tidak mematuhi surat pekeliling ini.

## 6. KESAN KEGAGALAN MENYEDIAKAN DAN MENGHANTAR PENYATA PENYESUAIAN AKAUN

- 6.1 Pegawai Pengawal / Pemegang Waran Peruntukan yang gagal menyediakan dan menghantar Penyata Penyesuaian Akaun adalah tidak mematuhi Arahan Perbendaharaan 143 (b) dalam melaksanakan tanggungjawab menyelenggara akaun awam.
- 6.2 Kegagalan menyediakan dan menghantar Penyata Penyesuaian Akaun juga menggambarkan salah satu kelemahan dalam pengurusan peruntukan kewangan di kalangan Pegawai Pengawal / Pemegang Waran Peruntukan. Kelemahan ini juga akan menjejaskan permohonan A.P. 58 (a) kerana akaun yang tidak diselenggara dengan teratur dan kemaskini menyebabkan baki peruntukan akhir tahun tidak dapat disahkan bagi menyokong permohonan.
- 6.3 Kegagalan menyediakan dan menghantar Penyata Penyesuaian Akaun akan dilaporkan kepada Kementerian Kewangan untuk tindakan lanjut.

## 7. PENUTUP

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta. Sekiranya ada sebarang kemusykilan di dalam melaksanakan surat pekeliling ini, sila berhubung dengan Bahagian Pengurusan Akaun Awam, Jabatan Bendahari Negeri.

JBNS(A):100-4/10 Vol.(2) ((77))

07 Ogos 2017

- 5 -

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"



**(CHUI NGAT NGO)**  
Bendahari Negeri

s.k. Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan  
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
**88400 KOTA KINABALU**

Pengarah Audit Negeri Sabah  
Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah  
Blok A, Aras 4  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Jalan UMS-Sulaman, Beg Berkunci No.2021  
**88450 KOTA KINABALU**

Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  
Blok A, Tingkat 7, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
**88400 KOTA KINABALU**

Penolong Bendahari Negeri (PPP)  
Bahagian Penyemakan, Penerimaan & Pembayaran  
Jabatan Bendahari Negeri  
**88595 KOTA KINABALU**

Penolong Bendahari Negeri (PAA)  
Bahagian Pengurusan Akaun Awam  
Jabatan Bendahari Negeri  
**88595 KOTA KINABALU**